

**MENGENALPASTI AMALAN PENGURUSAN DAN KAWALAN BAHAN
OLEH KONTRAKTOR BINAAN**

MOHAMAD SHAHRIZAL BIN MOHAMAD JAILANI

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Jabatan Ukur Bahan
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
Sesi 2005/2006**

APRIL, 2006

ABSTRAK

Pengurusan dan kawalan bahan yang berkesan adalah penting bagi menjamin kualiti setiap aktiviti, mengatasi masalah pembaziran bahan dan dapat mengelakkan pekerjaan berulang kali. Kontraktor perlu memilih dan melaksanakan amalan pengurusan dan kawalan bahan yang terbaik bagi setiap projek pembinaan yang dijalankan. Amalan pengurusan dan kawalan bahan ini yang efektif adalah bagi melancarkan aktiviti pengurusan bahan di tapak bina. Namun, setiap kontraktor mempunyai amalan pengurusan dan kawalan bahan yang berbeza. Ini adalah berdasarkan kepada perbezaan kelas kontraktor dan jenis pembinaan yang dijalankan. Objektif kajian ini ialah mendapatkan maklumbalas daripada kontraktor daripada pelbagai kelas tentang amalan pengurusan dan kawalan bahan binaan bagi kontraktor binaan serta mengenalpasti punca-punca pembaziran dan langkah mengatasinya. Kajian telah dijalankan ke atas kontraktor kelas A, B, C dan D yang menjalankan projek pembinaan di sekitar Johor Bahru dengan menyenaraikan peringkat-peringkat amalan pengurusan dan kawalan bahan yang biasa dilaksanakan serta punca-punca pembaziran yang kerap berlaku dan langkah mengatasi yang sesuai. Ini khususnya bagi bahan-bahan utama pembinaan seperti pasir, kayu, bata, konkrit, simen dan besi tulang yang mempunyai peratusan penggunaan yang tinggi berbanding dengan bahan-bahan binaan lain. Hasil daripada analisis borang soal selidik yang dijalankan, didapati terdapat perbezaan amalan pengurusan bahan serta punca-punca dan langkah-langkah mengatasi pembaziran bahan bagi kontraktor A, B, C dan D iaitu (1); tanggungjawab mengurus dan mengawal bahan binaan, (2); teknik dan tempoh perancangan bahan, (3); tempoh pemesanan bahan, (4); kaedah pengendalian bahan, (5); kaedah pengawalan bahan binaan dan (6); langkah-langkah mengatasi masalah pembaziran bahan.

ABSTRACT

Effective management and control of material are vital to ensure the quality of each activities, to control the wastage and to prevent doing work repetition. Contractors need to choose and implement the best approach of material management and control for each ongoing construction projects that goes under their observation. Effective practice of material management and control will help to smooth material management activities at construction site. However every contractor has different practice of material management and control. This is based on the difference of the contractors' class and the type of business that they do. The objective of this study is to obtain the response from contractors of various classes about the practice of material management and control for construction contractors in order to identify the sources of wastage and the right solution for the problems occurred. This is specifically for basic construction materials such as sand, woods, bricks, concrete, cement and reinforcement steel which have high application percentage compared to other construction materials. From the analysis of questionnaires forms that have been distributed, it has been clarified that the practices used by A, B, C and D class contractors are different in material management and the sources and steps used to overcome wastage problems. The different of the practise is (1); responsible to manage and control materials, (2); technique and duration of material planning, (3); duration of material ordering, (4); technique of material handling, (5); technique of material control and (6); the solutions for the wastage problems.